

## **Refleksi pembangunan sosiobudaya dalam novel-novel pilihan: apa kata remaja?.**

### **ABSTRACT**

Terdapat pelbagai pendapat dan pandangan tentang kritikan sastera remaja. Kelompok yang berminat dengan sastera remaja diperkatakan, memperlihatkan jumlah yang sedikit. Persoalan kedudukan sastera remaja dalam perkembangan sastera di Malaysia menjadi tanda tanya sedangkan karya sastera remaja termasuk novel remaja mampu merangsang minda remaja. Kepelbagaian unsur yang terkandung di dalamnya mampu membawa kepada transformasi sosial dalam kehidupan dunia remaja. Namun apakah penyerapan mesej yang disampaikan oleh pengarang tersebut difahami dan sampai kepada khalayak remaja? Justeru dalam kajian ini pengkaji mengambil kira pendapat 100 orang remaja yang diambil secara rawak untuk mendengar pandangan dan persepsi mereka terhadap unsur pembangunan sosiobudaya yang tertera dalam 20 buah novel remaja yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Keyword:** Sastera; Remaja; Pembangunan sosiobudaya; Persepsi